

Newspaper : **Berita Harian**  
Date : **29th June 2013**  
Title : **KLIA2 dijangka siap sepenuhnya akhir tahun**  
Section : **Ekonomi** Page :

**Bina Puri Holdings Bhd**  
(207184-X)

## KLIA 2 dijangka siap sepenuhnya akhir tahun

**Infrastruktur** fizikal bagi kompleks terminal utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) yang dibina konsortium UEMC-Bina Puri JV kini di peringkat akhir dan dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

Sasaran itu jauh lebih awal berbanding tarikh baru pembukaan KLIA2 pada 2 Mei tahun depan seperti yang diumumkan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), baru-baru ini.

Pengarah Urusan Bina Puri Construction Sdn Bhd, Henry Tee Hock Hin, berkata kerja yang dianugerahkan kepada konsortium kini sudah hampir selesai dengan pembinaan terminal penerbangan

tambang murah baru itu sudah mencapai lebih 93 peratus siap.

Justeru, katanya, pihak MAHB perlu mempertimbangkan semula tuntutan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) berjumlah RM199,445.40 sehari kepada konsortium itu kerana kelewatan membuka KLIA2 turut disebabkan kelewatan kontraktor lain menyiapkan pakej kontrak yang diberikan.

### **Kelewatan kerja**

"Terdapat banyak isu yang menyumbang kepada kelewatan seperti kerja lapangan yang jauh daripada jadual ditetapkan, laluan dan landasan berlepas yang masih belum siap, tambahan ruang dan kelewatan pengagihan kerja.

"Ia diburukkan lagi dengan subkontraktor yang tidak melaksanakan tugas khususnya pada sistem pengendalian bagasi, reka bina dalaman dan tambahan kaunter Jabatan Kastam daripada 35 kaunter kepada 80 kaunter sehingga menjejaskan bidang tugas konsortium," katanya kepada BH di Sepang, kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, langkah MAHB mengeluarkan Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) dan mengenakan LAD kepada konsortium menjejaskan kredibiliti kedua-dua pemaju terkemuka negara itu.

Katanya, ekoran keputusan itu, kumpulan Bina Puri khuatir akan menjejaskan penilaian kemudahan



**Kerja-kerja pembinaan KLIA 2 di Sepang giat dijalankan.**

[ FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH ]

pembiayaan daripada pihak bank dan kesukaran membida tender lain pada masa depan.

"JV sudah menulis surat rayuan supaya MAHB mempertimbangkan semula LAD yang dituntut kerana berdasarkan kontrak JV yakin tidak melanggar sebarang syarat

yang ditetapkan.

"Bahkan kami juga merayu supaya MAHB mempertimbangkan lanjutan tempoh pembinaan projek berdasarkan terma yang termaktub dalam kontrak pembinaan yang diberikan kepada JV," katanya.

From : Group Corporate Communication Department  
Date : 2th July 2013  
Subject : Bina Puri News Update